# Title: Bagaimana untuk patch iso Oshirix ke iso baru

## Subtitle: Oshirix

Author: oshiri

Date: 2010/5/26
URL: http://mambang.org.my/modules/article/view.article.php/c3/12

Summary: Kaedah yang diguna pakai untuk patch iso oshirix

Oshirix menggunakan kaedah patching iso untuk upgrade iso kepada iso baru.

Kaedah ini digunapakai untuk tujuan menjimatkan bandwidth dan juga masa kerana saiz patch adalah lebih kecil berbanding saiz iso baru.

Oshirix menggunakan xdelta untuk membina dan mem patch file iso.

Adalah penting untuk anda menyimpan iso asal ataupun iso terakhir yang telah di patch bagi tujuan patching akan datang.

Katakan nama iso adalah: OSHIRIX-SQUEEZE.iso
Nama patch pertama adalah : OSHIRIX-SQUEEZE-1.delta

Cara untuk patch adalah seperti berikut:
xdelta patch OSHIRIX-SQUEEZE-1.delta OSHIRIX-SQUEEZE.iso OSHIRIX-SQUEEZE-2.iso

Iso baru yang terbentuk ialah OSHIRIX-SQUEEZE-2.iso. Iso inilah yang telah dipatch dan perlu di burn ke cd/dvd/thumbdrive untuk dapatkan live system baru.

Katakan selepas beberapa hari, keluar pula patch baru dengan nama OSHIRIX-SQUEEZE-2.delta. Maka anda perlu gunakan iso yang telah dipatch dengan patch pertama untuk hasilkan iso baru dengan patch ke dua.
xdelta patch OSHIRIX-SQUEEZE-2.delta OSHIRIX-SQUEEZE-2.iso OSHIRIX-SQUEEZE-3.iso

Begitulah seterusnya untuk patch patch akan datang mengikut turutan yang betul. Anda tidak boleh "melompat patch" seperti patching patch ke 4 terus dari iso yang dipatch dengan patch ke 2.